

Program Matrikulasi masih relevan

VB JH.5.2019 46

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (*gambar*) menegaskan Program Matrikulasi masih relevan dan terbukti telah berjaya meningkatkan bilangan pelajar bumiputera melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda di universiti awam khususnya dalam bidang sains, teknologi dan perubatan.

Katanya, ia diwujudkan dengan objektif asas sebagai laluan alternatif khas bagi pelajar bumiputera untuk memasuki universiti selain kemasukan melalui kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma atau lain-lain kelayakan yang setara.

“Dalam konteks negeri Sabah, Program Matrikulasi adalah penting dan relevan sebagai laluan alternatif pelajar bumiputera dari pelbagai etnik (termasuk yang berdarah campuran atau sino) mengikuti pengajian peringkat sarjana muda di universiti, termasuklah di UMS.

“Sebagai makluman, setiap sesi akademik, UMS menerima kemasukan sejumlah pelajar lulusan program Matrikulasi



dari seluruh negara.

“Di negeri ini, pelajar adalah dari pelbagai daerah, termasuk dari luar bandar dan bagi sesi kemasukan akademik 2018/2019, sekitar 21 peratus pelajar tahun pertama UMS ialah dari program Matrikulasi berbanding 58 peratus dari STPM,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan pada Rabu berhubung keputusan Mesyuarat Kabinet Jemaah Menteri yang mengekalkan kuota 90 peratus untuk pelajar bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan bumiputera sebagai pelaksanaan bagi kemasukan ke Program Matrikulasi.